

Isytihar status pinjaman PTPTN untuk caj baru

B.H 26/11/08 M/S 12

Surat tawaran perjanjian bayaran khidmat 1 peratus diedar Januari

Oleh Zainab Mohd Yatim
zmy@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Semua 1.04 juta peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang meminjam daripada perbadanan itu sebelum 1 Jun 2008, perlu mengisytiharkan status pinjaman bagi melayakkan mereka mendapat caj perkhidmatan hanya satu peratus mulai tahun depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata peminjam terbabit perlu pergi ke pejabat cawangan PTPTN untuk mengemas kini kontrak mereka.

“Peminjam yang mahu menerima penurunan kadar caj pinjaman daripada tiga peratus kepada satu peratus, perlu memaklumkan kepada PTPTN mereka sedia menerima perubahan itu kerana ia membabitkan kontrak.

“Kalau mereka tidak me-

nunjukkan mahu menerima perubahan itu, selagi itulah kadar caj kekal tiga peratus. Jadi, peminjam perlu kembali ke PTPTN. Ada kalanya, apabila kerajaan sudah beri suruh suapkan pula dan hanya menunggu tanpa berbuat apa-apa,” katanya.

Beliau kepada pemberita selepas menyaksikan peme- teraian perjanjian kerjasama antara PTPTN, sebagai ejen kutipan bagi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), dengan Malayan Banking Bhd (Maybank) yang menyediakan program perkhidmatan penabungan elektronik, di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Mohamad Shahrudin Osman, Ketua Eksekutif PTPTN, Yunus Abdul Ghani dan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

September lalu PTPTN me- ngumumkan, dokumen surat

tawaran perjanjian dengan kadar caj baru akan diedarkan Januari 2009 kepada peminjam sedia ada dan yang sudah menamatkan pengajian. Mereka diberi tempoh sebulan untuk melengkapkan dokumen itu sebelum memulangkan semula kepada PTPTN.

Pada majlis sama, Mohamed Khaled mengulangi sa- ranan supaya masyarakat, terutamanya ibu-bapa, supaya menyertai SSPN bagi memas- tikan anak-anak mereka layak mendapat pinjaman PTPTN.

“SSPN yang sudah dimu- lakan empat tahun menjadi asas bagi pelajar untuk mendapat pinjaman dan mereka

yang menabung turut men- dapat pelbagai insentif ter- masuk potongan cukai,” ka- tanya sambil menambah hingga kini simpanan dalam skim itu berjumlah RM165.3 juta membabitkan seramai 573,880 pemegang akaun.

Beliau berkata, kerjasama dengan institusi perbankan seperti Maybank lebih me- mudahkan urusan menyim- pan dan pembayar balik pin- jaman PTPTN. Perangkaan terbaru menunjukkan se- jumlah RM25.89 billion sudah disalurkan sebagai pinjaman oleh PTPTN kepada 1.25 juta peminjam.

Kerjasama yang dijalin se- malam sekali gus menyak- sikan Maybank melancarkan siri perkhidmatan penabu- ngan elektronik lengkap yang merangkumi lima sa- luran penabungan iaitu me- nerusi mesin ATM, mesin de- posit tunai (CDM), May- bank2u.com, ‘Kawanku Phone Banking’ dan pempa- yaran di kaunter.

FAKTA NOMBOR

573,880
penyimpan

Buka akaun SSPN sejak
dimulakan empat tahun lalu